

18 AUG 2002

LEBIH 6,000 PELAJAR AKAN SERTAI PERHIMPUNAN PATRIOTIK SABTU INI

JOHOR BAHRU, 18 Ogos (Bernama) -- Lebih 6,000 pelajar di seluruh negara akan menyertai Perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar peringkat kebangsaan yang akan diadakan di Stadium Perbadanan Pasir Gudang, dekat sini, Sabtu ini.

Setiausaha penganjur Zais Mohamad Akil berkata program anjuran Kementerian Pendidikan itu akan bermula esok dan acara kemuncaknya Sabtu ini akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pelbagai aktiviti disediakan termasuk acara mengibarkan bendera, melawat tempat bersejarah, destinasi pelancongan dan menyaksikan pembangunan kampung terpilih, katanya.

Selain itu, beliau berkata pelajar juga akan menghadiri ceramah motivasi di sini pada 23 Ogos.

Tahun lepas, Kedah menjadi tuan rumah program itu.

-- BERNAMA

BH RHM